



Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit



Pekebun kecil sawit sertai Persidangan Kebangsaan 2014

» *Persidangan jadi platform kongsi maklumat terkini Amalan Pertanian Baik*

Oleh **Che Johari Mamat**
mjohari@mpob.gov.my

Sibu

Lebih 500 pekebun dari seluruh negara menyertai Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014 yang berlangsung di Hotel Kingwood di sini, baru-baru ini dengan tema 'Amalan Berubah Hasil Bertambah', dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Ketika berucap merasmikan persidangan itu, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, persidangan yang dianjurkan dua tahun sekali itu menyediakan ruang interaksi kepada pekebun kecil sawit untuk berkongsi maklumat terkini mengenai Amalan Pertanian Baik dan pendedahan kepada teknologi baru.

"Usaha ini sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi sektor sawit bagi menjana pendapatan negara.

"Amalan Pertanian Baik dan penggunaan teknologi baru penanaman sawit yang dibangunkan melalui penyelidikan MPOB dibincangkan melalui sesi pembentangan oleh Pegawai Penyelidik dan penceramah yang berpengalaman dalam bidang agonomi tanaman sawit," katanya.

Beliau berkata, sebagai agensi penyelidikan, MPOB telah meng-

hasilkan teknologi baru meliputi semua aspek termasuk integrasi tanaman dan ternakan di ladang sawit, teknik kawalan penyakit reput pangkal batang, kawalan penyakit Ganoderma dan teknologi tanaman sawit di tanah gambut.

"Bagi terus membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti dan pendapatan, Kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif. Antaranya Skim Tanaman Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK); Skim Tanaman Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK); Skim Diskaun CANTAS dan Kelompok Minyak Sawit Mampan (Sustainable Palm Oil Cluster).

Galak Amalan Pertanian Baik

"Dalam hal ini, RM1.14 bilion disediakan untuk tempoh 2011 hingga 2013 untuk pelaksanaan skim TSSPK dan SBSPK," katanya.

Beliau menasihati pekebun kecil supaya mengamalkan Amalan Pertanian Baik yang disyorkan oleh MPOB. Ini termasuk penggunaan jenis baja berdasarkan umur pokok dan mengikut jadual yang ditetapkan.

"MPOB juga telah mencipta mesin penuai buah sawit bermotor yang dikenali CANTAS yang berupaya meningkatkan kecekapan penuaian buah tandan segar hampir dua kali ganda."

"Hasil kajian MPOB mendapati menggunakan CANTAS, seorang pekerja boleh menuai sehingga 3.2 tan buah tandan segar berbanding 1.8 tan tandan secara manual."

Datuk Amar Douglas berkata, bagi meningkatkan kecekapan CANTAS, MPOB telah melakukan penambahbaikan supaya ianya lebih ringan, tahan lama dan boleh mencapai ketinggian pokok sehingga 8 meter."

"Sebagai galakan, Kerajaan menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk diskaun RM1,000 un-



Datuk Amar Douglas Uggah Embas semasa berucap merasmikan Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014. Turut kelihatan Dato' Noriah Kasnon (dua dari kiri), Datuk Himmat Singh (kiri) Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar (dua dari kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May (kanan).

tuk setiap unit CANTAS yang dibeli pekebun kecil," katanya.

Satu lagi pendekatan membantu pekebun kecil ialah melalui koperasi. Pekebun kecil digalakan menubuhkan koperasi atau menjadi ahli koperasi sedia ada atau pertubuhan peladang di kawasan masing-masing.

Kajian MPOB mendapati, pekebun kecil yang menyertai koperasi berupaya mendapat bayaran harga buah tandan segar lebih tinggi antara 15 hingga 20 peratus berbanding harga jualan kepada peniaga persendirian.

Kerajaan juga meluluskan skim pensijilan minyak sawit Malaysia atau 'Malaysian Sustainable Palm Oil' pada awal tahun 2014. Langkah ini bertujuan membolehkan Malaysia meningkatkan imej minyak sawit dari sudut kemampanan pengeluaran di pasaran dunia.

"Bagi memastikan pensijilan mampan secara menyeluruh meliputi sektor pekebun kecil persendirian, Kerajaan telah menyediakan RM53 juta bagi membantu sektor pekebun kecil mendapat pensijilan mampan."

Pada majlis itu juga, beliau melancarkan baja MPOB F6 untuk tanaman sawit dan menyampaikan Anugerah Pekebun Kecil Terbaik tahun 2013 kepada pekebun kecil terbaik dari Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Turut hadir pada majlis itu Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh, Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Announcement

2014

NATIONAL SEMINAR ON PALM OIL MILLING, REFINING, ENVIRONMENT AND QUALITY

POMREQ

3-4 November 2014
Pullman Kuching, Sarawak

Organized by
YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS
MINISTER OF PLANTATION INDUSTRIES AND COMMODITIES, MALAYSIA

For further information, please contact:

Pn. Ruba'ah Masri Tel: 03-8926 7046/8769 4568
Ms Lim Soo Chin Tel: 03-8769 4676

Organized by
MALAYSIAN PALM OIL BOARD
MINISTER OF PLANTATION INDUSTRIES AND COMMODITIES, MALAYSIA
www.mpob.gov.my

MPOB telah berjaya memperoleh deraf pertama genom sawit dan diumumkan pada November 2009 dalam Kongres Minyak Sawit Antarabangsa MPOB (PIPOC) 2009. Pengumuman tersebut merupakan titik tolak ke arah pencapaian yang lebih memberangsangkan meliputi penemuan pelbagai gen yang mengawal ciri agronomi serta penghasilan minyak sawit. Seterusnya, MPOB berjanji akan berkongsi maklumat genom sawit tersebut serta hasil penyelidikannya dengan industri sawit tempatan dan komuniti saintifik. MPOB telah menepati janjinya melalui kejayaan menerbitkan penemuan lakaran genom sawit pada Ogos 2013 dalam Nature, jurnal sains antarabangsa yang amat berprestij ketika ini. Dalam keluaran jurnal yang sama, MPOB turut menerbitkan satu lagi hasil kajian berkaitan gen yang mengawal kehadiran tempurung sawit. Pencapaian berganda ini memberikan sinaran baharu terhadap usaha berterusan yang dilakukan dalam meningkatkan pengeluaran industri sawit tempatan khususnya dan di peringkat global secara amnya.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB

Satu lagi kejayaan baharu sahaja dilakar dalam projek genom sawit iaitu penemuan gen yang mengawal warna buah sawit. Penemuan ini kemudiannya diterbitkan pada Julai 2014 dalam Nature Communications, antara jurnal sains antarabangsa yang terkemuka. Penemuan ini memberi impak besar terhadap peningkatan produktivi sawit melalui teknik mengenal pasti buah sawit yang masak secara lebih tepat. Hampir keseluruhan pokok sawit yang ditanam secara komersial di Malaysia, Indonesia dan negara pengeluar lain merupakan jenis yang dikenali sebagai nigrescens. Buah sawit nigrescens berwarna hitam keunguan semasa muda dan perubahan yang kurang jelas apabila masak sepenuhnya. Dewasa ini, penuai menggunakan kaedah jumlah buah sawit lerai dalam menentukan kematangan sesuatu tandan sebelum dituai. Walau bagaimanapun, pokok sawit pada kebiasaannya mempunyai lebih daripada satu tandan buah pada sesuatu masa dan penentuan tandan yang masak menjadi lebih sukar pada pokok sawit yang tinggi. Kaedah buah lerai boleh menyebabkan pemerhatian yang tidak tepat disebabkan buah lerai yang mungkin terjatuh di celah tandan. Kemungkinan di atas menyebabkan tandan tidak dituai pada waktu yang tepat sama ada terlalu awal atau lewat di mana kedua-duanya menjejaskan kadar penghasilan dan kualiti minyak.

Baka virescens menghasilkan warna buah sawit yang berbeza semasa muda dan masak. Buah muda berwarna hijau dan menjadi oren apabila masak. Perubahan warna yang ketara semasa perkembangan kematangan buah membolehkan tandan dituai pada waktu yang sesuai. Kadar penghasilan dan kualiti minyak daripada pokok sawit virescens adalah serupa dengan nigrescens.

Kejayaan memencil gen yang mengawal warna buah banyak bergantung kepada koleksi germplasma sawit MPOB dan pengacukan genetik terkawal yang dilakukan sejak 40 tahun yang lalu. Koleksi germplasma sawit mengandungi lebih dari 100,000 pokok yang dikumpul dari Afrika dan Amerika Selatan sejak lebih 50 tahun yang lalu. Sekalung penghargaan turut diberikan kepada ahli industri sawit Malaysia yang telah menyumbang pelbagai sampel sawit yang mempunyai rekod pembiakbakaan sejak 1950an lagi.

Hasil penyelidikan daripada projek genom sawit MPOB juga telah mendapat liputan meluas di media antarabangsa. Malahan bintang Hollywood, Harrison Ford yang terkenal dengan watak Indiana Jones dan Hans Solo (filem Star Wars) yang juga merupakan seorang aktivis alam sekitar dan pengkritik industri sawit terutamanya di Indonesia, telah mengiktiraf usaha Malaysia melalui penyelidikan genom sawit. Ini terbukti dalam wawancara dengan majalah Scientific American di mana beliau menyatakan bahawa penemuan gen yang mengawal ketebalan tempurung dan warna buah akan membolehkan peningkatan hasil sawit menggunakan kawasan tanaman yang sedia ada. Fenomena ini akan meningkatkan penerimaan pengguna antarabangsa kepada industri sawit. Sesungguhnya pengiktirafan ini membuka peluang yang lebih luas untuk penjenamaan minyak sawit Malaysia.

Kajian genom sawit akan terus dipergiatkan ke arah hasil penyelidikan yang berfaedah bagi memenuhi permintaan global yang semakin meningkat terhadap makanan dan bahan api di samping memulihara kemampan hutan. Sebagai antara pengeluar minyak sawit terbesar dunia, Malaysia melalui MPOB akan bertanggungjawab memastikan industri sawit terus kukuh dan berdaya saing dalam kegiatan ekonomi tempatan dan antarabangsa. choo@mpob.gov.my

Pekebun kecil dibenar jual BTS kebun sendiri

» Pengusaha mesti daftar dengan MPOB, milik lesen jual, alih buah sawit

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

► Sibu

Pekebun kecil sawit perlu mendaftar dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan mempunyai lesen bagi aktiviti 'menjual dan mengalih buah sawit' yang dikeluarkan secara percuma bagi membolehkan mereka menjual buah tandan segar (BTS) hasil kebun sawit.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, lesen berkenaan membolehkan pekebun kecil sawit melakukan penjualan BTS hasil dari kebun mereka kepada mana-mana kilang pemprosesan buah sawit atau peniaga buah sawit yang mempunyai lesen dengan MPOB bagi aktiviti 'membeli dan mengalih buah sawit'.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis perasmian Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014 di sini, baru-baru ini.

Semasa lawatan ke pameran itu, beliau turut menyerahkan lesen kepada dua pekebun kecil bagi aktiviti 'menjual dan mengalih buah sawit' yang baru diluluskan oleh MPOB Wilayah Sarawak.

Datuk Amar Douglas menasihati pekebun kecil sawit supaya tidak



Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyerahkan lesen Pekebun Kecil Sawit yang diluluskan untuk aktiviti menjual dan mengalih buah sawit selepas perasmian Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014 kepada pekebun kecil sawit.

membeli BTS dari pekebun kecil lain dan menjual BTS itu menggunakan lesen kebun sendiri.

"Perbuatan itu melanggar peraturan dan sekatan lesen bagi pekebun kecil yang hanya membenarkan menjual BTS hasil kebun sawit yang tercatat dalam lesennya sahaja.

Kesalahan dapat dikesan

"Pegawai MPOB dapat mengesan kesalahan yang dilakukan itu apabila membandingkan kuantiti jualan BTS oleh pekebun kecil berkenaan dengan jumlah keluasan hektar kebun sawit yang dimiliki yang tercatat dalam lesen berkenaan.

"Pekebun kecil sawit juga dinasihatkan supaya memaklumkan kepada pejabat MPOB dengan segera sekiranya terdapatnya pertambahan atau perubahan yang berlaku ke atas keluasan hektar tanaman sawit milik mereka bagi membetulkan rekod catatan keluasan hektar lesen mereka.

"MPOB mempunyai kuasa un-

tuk mengambil tindakan samada memberi amaran, mengkompaun atau membatalkan lesen pekebun kecil berkenaan jika hasil siasatan mempunyai bukti nyata pekebun kecil berkenaan telah melakukan pelanggaran keatas syarat sekatan lesen itu," katanya.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas menjelaskan bahawa pegawai MPOB akan membuat lawatan pemeriksaan kepada pemegang lesen termasuk pekebun kecil sawit bagi memastikan mereka mematuhi peraturan dan syarat sekatan lesen yang ditetapkan seperti termaktub dalam Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.

Bagi permohonan lesen yang melibatkan tanah adat (NCR), beliau menasihatkan pemohon supaya menyertakan dokumen yang sah daripada pihak berkaitan sebagai bukti dan pengesahan hak milik pemohon ke atas tanah NCR berkenaan.

MPOB banteras kegiatan curi BTS sawit

SIBU: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan menempatkan pegawai MPOB di kilang pemprosesan buah sawit bagi membendung kecurian buah tandan segar (BTS) dari ladang dan kebun sawit di negeri ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata sejak Julai tahun ini, Kementeriannya melalui MPOB telah mengenal pasti tiga kawasan kritikal dan telah membuat operasi penguatkuasaan.

"Kawasan itu ialah daerah Serian/Simunjan, daerah Selangau dan daerah Miri/Marudi," katanya. Beliau berkata, demikian se-

lepas merasmikan Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014 di sini baru-baru ini.

Katanya, kementeriannya melalui MPOB telah mengeluarkan amaran keras kepada pengilang-pengilang buah sawit supaya tidak membeli BTS yang dicuri.

"Semua peniaga dan pekebun kecil sawit perlu menyimpan rekod urus niaga mereka," katanya.

Beliau berkata, pembabitan skuad khas daripada ibu pejabat kementerian dan MPOB itu menunjukkan kesungguhan dalam menangani masalah kecurian BTS ini.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, setakat ini seramai 13 pembekal BTS telah didapati menjual kuantiti BTS

yang lebih tinggi berbanding dengan pengeluaran sebenar kebun sawit miliknya.

"Bagi mereka yang membeli BTS daripada sumber yang meragukan boleh dikenakan surat tunjuk sebab dan berdepan tindakan lesen tidak diperbaharui, digantung atau ditarik balik," katanya.

MPOB, katanya, telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada 13 pemegang lesen, iaitu sebuah kilang pemprosesan BTS, seorang pekebun kecil dan 11 peniaga BTS di negeri ini.

Sebanyak 70 kompaun kepada peniaga BTS dan pengilang bagi pelbagai kesalahan yang dilakukan, dikeluarkan oleh MPOB," katanya.

MPIC sambut Merdeka Raya

» *Majlis sempena perhimpunan bulanan kali ke 3/2014 di ruang legar MPIC*

Oleh **Che Johari Mamat**
mjohari@mpob.gov.my

Putrajaya

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan agensi meraikan dua perayaan sekali gus iaitu majlis perayaan Aidilfitri dan sambutan kemerdekaan bersempena dengan majlis perhimpunan bulanan kali ke 3/2014 di ruang legar MPIC baru ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas semasa memberi ucapan aluan pada majlis itu berkata dua keraian utama yang disambut oleh rakyat Ma-

laysia dan warga kerja kementerian serta agensi iaitu 'Merdekaraya' mencerminkan kegembiraan berganda seluruh rakyat.

Hari amat bermakna

"Saya dapat merasakan, sambutan Hari Raya ini bukan sahaja hari yang amat bermakna kepada umat Islam, malahan ianya juga turut dinantikan oleh rakyat yang bukan agama Islam.

"Ini adalah kerana, masyarakat majmuk negara kita yang unik, yang berbilang kaum, agama dan budaya dapat bersama-sama berkongsi kebahagiaan merayakannya.

"Hanya di negara ini, kita dapat melihat rakyat yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa berpeluang menyambut perayaan besar bersama-sama dengan meriahnya.

"Ini membuktikan bahawa negara kita ini aman, makmur dan bersatu padu," katanya.

Beliau berkata, perbezaan agama, etnik, bahasa dan budaya sama sekali bukan penghalang kepada keharmonian dan kesejahteraan negara.

"Perpaduan negara merupakan cabaran utama dan tanggungjawab memelihara dan memper-



Datuk Amar Douglas Uggah Embas **menyampaikan sumbangan MPIC** kepada wakil Pusat Pengurusan Anak Yatim sempena Majlis Merdeka Raya. Turut kelihatan Dato' Noriah Kasnon dan Datuk Himmat Singh.

kukuhkannya terletak di bahu setiap lapisan masyarakat. Sekira kita leka dan alpa maka keruntuhan itu boleh berlaku dalam sekelip mata," katanya.

Justeru, beliau menyeru semua pihak sentiasa prihatin terhadap

sensitiviti kaum dan agama, terutama apabila menggunakan media sosial. Jangan sekali kita merosakkan keutuhan struktur masyarakat dengan membenarkan fitnah, kepalsuan dan cubaan untuk meruntuh negara.

"Saya menyeru seluruh warga MPIC dan agensi supaya menggunakan media sosial dengan penuh tanggungjawab dan tertib agar keamanan dan kesejahteraan yang telah terbina ini terus dipelihara," katanya.

Forum MPOB-MPOA untuk majukan industri sawit

Oleh **Shamala Sundram**
shamala@mpob.gov.my

Bangi: Forum industri di antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) telah berlangsung pada 2 September 2014, di Ibu Pejabat MPOB.

Forum itu telah disertai oleh 20 ahli MPOA yang terdiri daripada ahli industri sawit seluruh negara serta pengurusan dan pegawai penyelidikan dari MPOB. Ianya merupakan platform untuk interaksi di antara MPOB dan MPOA yang bertujuan untuk meningkatkan hubungan dua hala yang berterusan, di samping bertukar maklumat dan pandangan mengenai industri sawit demi menjamin kesejahteraan industri sawit negara.

Forum ini telah dirasmikan oleh Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad. Beliau berkata melalui interaksi sebegini, MPOB boleh mengambil tindakan susulan yang efektif, selaras dengan kehendak industri. Beliau turut

mempengerusikan forum ini. Forum teknikal juga dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, yang memberikan maklum balas terutamanya bagi isu-isu teknikal berkaitan penyelidikan dan pembangunan yang dibangkitkan oleh MPOA.

Bincang 14 isu

Empat belas isu teknikal mengenai aktiviti hulu dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri sawit terutamanya berkaitan penanaman sawit telah dibincangkan. Di antaranya termasuk penambahbaikan baka sawit, penyakit Ganoderma, biological oxygen demand (BOD), penilaian kitaran hayat (LCA) sawit, pelan biosekuriti sawit, penuai bermotor (CANTAS), peta genom, nutrisi, teknologi pengurangan pelepasan habuk, teknologi sisa sifar, penyakit reput pucuk, serangan ulat bungkus serta pengurusan dan pemuliharaan tanah.

Isu lain yang turut dibincangkan adalah kadar perahan minyak (OER), tenaga buruh, piawaian minyak sawit mampan Malaysia (MSPO), bio-baja dan projek

permulaan (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang meliputi termasuk antara lain, produktiviti, pengilangan, penguatkuasaan, dan skim tanam semula.

MPOB memaklumkan terdapat dua jenis produk hasil kerjasama MPOB dengan syarikat tempatan di pasaran yang berkesan terhadap jangkitan Ganoderma. MPOB juga memaklumkan kedua-dua produk tersebut (GanoEFTM dan EmbioTM ActinoPlus) ini telah diuji di ladang. MPOA juga berpendapat langkah seterusnya dalam menangani penyakit Ganoderma adalah melalui penyaringan baka sawit yang lebih rintang dan dengan ini menyarankan MPOB untuk mempergiatkan usaha penyaringan tersebut.

Dalam penguatkuasaan 20 ppm biological oxygen demand (BOD) oleh Jabatan Alam Sekitar (DOE) ke atas kilang minyak sawit, MPOA berharap MPOB akan terus berbincang dengan DOE bagi pelaksanaan penguatkuasaan secara berperingkat. Mengenai pelepasan habuk, MPOB memaklumkan bahawa perbincangan dengan



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar **mempengerusikan Forum Industri MPOB-MPOA**. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan), Datuk Carl Bek-Nielsen (kiri) dan Dr Ahmad Kushairi Din (kanan).

DOE telah diadakan berkaitan isu menguatkuasakan had pelepasan habuk dari dandang kilang sawit dikurangkan dari 400 mg/Nm3 kepada 150 mg/Nm3. Industri menghadapi masalah untuk memasang teknologi bagi mengurangkan pelepasan habuk sehingga memenuhi piawai yang ditetapkan.

MPOA memaklumkan bahawa Australia dan New Zealand mempunyai kepakaran yang luas dalam pengawalan wabak oleh serangga perosak menggunakan pesawat. MPOA menyarankan MPOB supaya mendapatkan perkhidmatan pesawat negara berkenaan bagi mempercepatkan pengawalan agar dapat mengurangkan

ancaman serangan perosak ini. MPOA juga memaklumkan bahawa kekurangan tenaga buruh di ladang sawit merupakan masalah serius yang dihadapi. Oleh itu, MPOA menyarankan supaya MPOB bersama dengan Kementerian untuk mendapatkan penyelesaian alternatif bagi mengurangkan kesan masalah tenaga buruh. Usaha ini turut melibatkan usaha penyelidikan mekanisasi ladang bagi mempermudah proses penuaian dan pengangkutan tandan sawit. MPOB memaklumkan bahawa usaha giat dijalankan terutamanya dalam penyelidikan mekanisasi ladang sawit.

MPOB-POMA bincang isu industri sawit

» Salur maklumat baharu tangani pelbagai masalah dihadapi ahli

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

► Bangi

Sesi interaksi antara MPOB bersama ahli-ahli Persatuan Pengilang Minyak Kelapa Sawit Malaysia (POMA) bagi membincang isu-isu berkaitan industri sawit dalam negara diadakan di ibu pejabat MPOB di sini, baru-baru ini.

Sesi berkenaan dipengerusikan oleh Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar

Wan Ahmad dan disertai 30 peserta terdiri daripada pengurus kilang pemprosesan buah sawit dari wilayah utara, timur dan selatan Semenanjung Malaysia.

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar berkata, sesi interaksi seumpama ini perlu diaktifkan supaya MPOB dan ahli industri sentiasa bersedia dengan maklumat terbaharu bagi menangani pelbagai isu berkaitan industri dan terutama isu berkaitan kadar perahan minyak dan penggredan buah tandan segar (BTS).

MPOB bersedia, komited

Beliau berkata, MPOB sentiasa bersedia dan komited untuk mendengar serta berbincang isu-isu berkaitan industri sawit bagi memastikan industri komoditi ini berkembang maju dan berdaya saing," katanya.



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad **mempengerusikan Intraksi MPOB -POMA** di Ibu Pejabat MPOB. Turut hadir Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan), Steven Yow Thin Chin (kiri) dan Dr Ahmad Kushairi Din (kanan).

Beliau berkata, pengilang juga perlu bersama kerajaan komited bagi memastikan kadar perahan minyak sawit (OER) negara ditingkatkan dan sekali gus meningkatkan pengeluaran minyak sawit negara bagi memenuhi permintaan pasaran samada dari dalam atau luar negara.

"Melalui peningkatan OER, harga bayaran BTS kepada penanam terutama pekebun kecil sawit juga dapat dibayar dengan harga yang tinggi dan secara langsung membantu meningkatkan pen-

dapatan dan taraf sosio-ekonomi mereka," katanya.

Beliau menasihati pengilang buah sawit terutama ahli POMA turut menasihati pekebun kecil sawit supaya tidak menuai dan membekalkan tandan buah sawit muda (unripe bunches) kepada kilang.

Pegawai MPOB akan terus membuat pemantauan dan lawatan pemeriksaan ke atas kegiatan pembekalan BTS kategori ini dan bersedia untuk mengambil tindakan yang sewajarnya ke-

pada pembekal dan pembeli yang terbabit.

En Steven Yow dalam ucapannya menggesa MPOB untuk terus membanteras amalam-amalan tidak sihat yang diamalkan oleh setengah pihak industri demi meningkatkan OER serta pendapatan pekebun kecil.

POMA juga mencadangkan supaya buah muda yang ditahan di kilang tidak dikembalikan kepada penjual demi mengelakkan ianya dihantar semula ke kilang untuk diproses.

MSPO tingkatkan kesedaran kemampunan kepada pekebun kecil

Oleh Ahmad Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan terus bekerjasama dengan agensi dan organisasi lain dalam usaha meningkatkan kesedaran pekebun kecil sawit mengenai keperluan pemuliharaan alam sekitar.

"Dengan bekerjasama, pekebun kecil akan lebih memahami pentingnya pemuliharaan alam sekitar serta syarat-syarat untuk mendapat pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)," kata Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapan aluan di Majlis Taklimat MSPO di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, perhatian terhadap alam sekitar, sumber asli, biodiversiti dan ekosistem ada termaktub di dalam Prinsip 5 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

Pensijilan MSPO adalah secara sukarela dan ianya berlandaskan piawaian yang boleh diaudit oleh Badan Pensijilan Bebas yang berdaftar. Masa diperlukan untuk menaksir keberkesanan sistem

ini dan dalam mendapat pengiktirafan serta penerimaan antarabangsa.

Datuk Dr Choo berkata memandangkan MSPO adalah satu set Standard Malaysia, ianya boleh digunakan di dalam perundingan antara kerajaan (government-to-government) serta perdagangan. Ini secara langsung membantu memudahkan akses pasaran.

Penjenamaan minyak sawit

"MSPO adalah penting kerana ia mampu menyokong penjenamaan minyak sawit Malaysia. Pastinya dengan tambahan usaha dan kos untuk menghasilkan minyak sawit yang mampan, adalah diharapkan akan wujud satu premium buat minyak sawit yang telah disijilkan MSPO," tambah beliau.

MSPO untuk sektor sawit negara telah diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 19 November 2013.

Siri Standard Malaysia untuk MSPO dihasilkan dengan hasrat mewujudkan peraturan am untuk kemampunan yang mana industri minyak sawit perlu patuhi. Peraturan ini boleh diguna pakai oleh pekebun kecil bebas, syarikat



Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri) ketika **mempengerusikan Majlis Taklimat MSPO** di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

perladangan dan pekebun kecil di bawah skim perancangan serta pengilang minyak sawit.

Rangkuman pekebun kecil ke dalam standard MSPO adalah penting kerana mereka menyumbang 40 peratus kepada jumlah kawasan tanaman sawit di Malaysia.

Ujian lapangan MSPO sedang dijalankan ke atas pekebun kecil, ladang sawit dan pengilang minyak sawit. Hasil ujian lapangan ini dijangka dapat memantapkan lagi pelaksanaan MSPO supaya lebih berkesan.

Prinsip dan kriteria (P&Cs) yang termaktub di dalam MSPO adalah bermaksud untuk mengurang-

kan kesan negatif penanaman sawit terhadap alam sekitar; meningkatkan kadar hasil dan kualiti sawit melalui Amalan Pertanian Baik; dan menunaikan tanggungjawab sosial serta menyelesaikan permasalahan alam sekitar secara telus dan bertanggungjawab.

Datuk Dr Choo berkata pembangunan pensijilan MSPO teretus berikutan keperluan untuk mengesahkan pengeluaran minyak sawit di negara ini berlandaskan kemampunan.

"Cabaran adalah untuk memperluaskan pemakaian dan penggunaan MSPO di seluruh negara

serta penerimaan komuniti antarabangsa terhadap standard ini," tambah beliau.

Datuk Dr Choo turut berkata tadbir urus yang baik memainkan peranan utama dalam memastikan kejayaan serta keberkesanan sesuatu standard kemampunan.

"Dalam hal ini, industri minyak sawit Malaysia bernasib baik kerana ianya sememangnya satu industri yang terkawal. Ini memudahkan usaha-usaha untuk memperkenalkan syarat-syarat rangka kerja agar piawaian MSPO dapat dilaksanakan secara berkesan," tambah beliau.

Sasar hasil pekebun kecil 22 tan BTS tahun 2020

» Pekebun kecil sawit disaran ubah amalan penanaman

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mjob.gov.my

SIBU

Pekebun kecil sawit persendirian disaran mengubah amalan penanaman sawit yang dilaksanakan secara konvensional pada masa ini kepada Amalan Pertanian Baik bagi meningkatkan pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) kebunnya.

Purata pengeluaran BTS pekebun kecil sawit persendirian bagi tahun 2010 hingga 2013 adalah 17.64 tan/ha setahun dan menjelang tahun 2020, kerajaan menyasarkan pengeluaran BTS pekebun kecil persendirian mencapai tahap 22 tan/ha setahun.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May berkata demikian ketika menyampaikan ucapan Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014 di Hotel Kingwood di sini, baru baru ini.

Lebih 500 orang pekebun menyertai persidangan yang diadakan pada setiap dua tahun sekali itu dengan tema 'Amalan Berubah Hasil Bertambah', dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Datuk Dr Choo berkata, tanaman sawit merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada pendapatan ekonomi negara selepas industri peralatan teknologi internet, petrol dan gas. Tahun 2012 dan 2013, keluasan tanaman sawit negara 5.08 juta ha dan 5.12 juta ha.

"Pendapatan negara daripada eksport minyak sawit pada tahun itu RM71.40 bilion dan RM61.29 bilion. Penurunan pendapatan pada tahun 2013 disebabkan penurunan harga minyak sawit di pasaran dunia," katanya.

Pekebun kecil memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kesejahteraan industri sawit. Bilangan pekebun kecil mengusahakan tanaman sawit meningkat setiap tahun dan turut merekodkan peningkatan dalam pengeluaran BTS walaupun kadar perlahan.

"Sehingga Disember 2013, bilangan pekebun kecil sawit persendirian yang mengusahakan tanaman komoditi itu adalah 192,198 orang meliputi keluasan 748,291 hektar di seluruh negara dan purata keluasan kebun adalah 3.89 hektar."

"Harga BTS tertinggi dan te-



Datuk Dr Choo Yuen May bersama Presiden Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (NASH), Datuk Aliasak Ambia (kanan) semasa Sesi Ucaptama Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014.

rendah direkodkan di Semenanjung bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah RM36.28 dan RM22.62 untuk setiap 1 peratus kadar perahan minyak (OER). Purata harga BTS bagi tahun itu RM28.59 bagi setiap 1 peratus OER adalah lumayan," katanya.

Pekebun kecil dinasihatkan supaya terus berusaha meningkatkan tahap pengeluaran BTS dengan menambah baik amalan pertanian. Pekebun kecil digalakkan meningkatkan ilmu pengetahuan terutama bidang teknologi baharu berkaitan tanaman sawit.

Datuk Dr Choo berkata, kerajaan melalui MPOB akan terus membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti tanaman sawit dan pendapatan keluarga melalui beberapa strategi yang sedang dilaksanakan pada masa kini.

Strategi

Strategi itu melalui bantuan bagi tanaman baharu dan tanam semula sawit; galakan dan tunjuk ajar amalan pertanian baik; integrasi sawit dengan tanaman dan ternakan dan urusan niaga BTS melalui koperasi.

"Kerajaan melalui MPOB melaksanakan pemberian insentif bagi tanaman baru dan tanam semula sawit kepada pekebun kecil yang layak. Bantuan RM7,500/ha bagi pekebun kecil di Semenanjung dan RM9,000/ha di Sarawak dan Sabah dilaksanakan sejak tahun 2011."

"Pekebun kecil yang menerima bantuan ini akan dibekalkan dengan anak benih sawit berkualiti yang berupaya menghasilkan BTS sehingga 25 hingga 30 tan/ha setahun," katanya.

Pekebun kecil dinasihatkan supaya mengelak menggunakan anak benih tidak berkualiti dibekalkan oleh pengusaha anak benih yang tidak diiktiraf oleh MPOB atau menggunakan anak benih yang tumbuh liar di bawah pokok walaupun alasannya untuk mengurangkan kos.

Datuk Dr Choo berkata, pekebun perlu mengamalkan amalan pertanian baik yang disyorkan seperti menanam mengikut jarak yang betul, pembajaan yang mencukupi bagi setiap pokok, mengawal rumpai, perosak dan penyakit pokok sawit yang sudah tentu akan membantu pertumbuhan pokok sawit dengan subur, sekaligus berupaya menghasilkan BTS seperti yang disasarkan.

"Bagi aktiviti penuaian BTS, pekebun hanya perlu menuai BTS yang mencapai tahap kemasakan optimum dan elak dari menuai tandan muda.

"BTS berkenaan perlu dihantar ke kilang dalam masa 24 jam selepas penuaian bagi mengelakkan peningkatan kandungan asid lemak bebas dalam minyak sawit mentah yang dihasilkan.

"Buah sawit lerai perlu dikutip dan dihantar ke kilang untuk di-

INFO

Bilangan Pekebun Kecil Sawit Persendirian Mengikut Negeri Tahun 2013

NEGERI	IL PEKEBUN KECIL	KELUASAN (Ha)	PURATA KELUASAN (Ha)
Johor	65,797 (34.2%)	196,865 (26.3%)	3.0
Kedah	4,646 (2.4%)	2,562 (3.0%)	4.9
Kelantan	1,025 (0.5%)	4,134 (0.6%)	4.0
Melaka	2,166 (1.1%)	10,289 (1.4%)	4.8
N.Sembilan	4,325 (2.3%)	21,361 (2.9%)	4.9
Pahang	8,967 (4.7%)	40,585 (5.4%)	4.5
P.Pinang	1,682 (0.9%)	8,677 (1.2%)	5.2
Perak	34,194 (17.8%)	99,970 (13.3%)	2.9
Perlis	8 (0.004%)	58 (0.008%)	7.3
Selangor	19,062 (9.9%)	42,097 (5.6%)	2.2
Terengganu	2,407 (1.3%)	9,909 (1.3%)	4.1
Sabah	29,685 (15.4%)	198,632 (26.5%)	6.7
Sarawak	18,234 (9.5%)	93,332 (12.5%)	5.1
JUMLAH	192,198 (100%)	748,291 (100%)	3.9

INFO

Purata Hasil Buah Tandan Segar (BTS) tahun 2010 - 2013

TAHUN	PURATA BTS PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN (tan/ha)	PURATA BTS NASIONAL (tan/ha)
2010	14.57	18.03
2011	19.24	19.69
2012	18.54	18.89
2013	18.21	19.02
PURATA	17.64	18.91

proses bersama tandan. Buah sawit lerai adalah buah cukup masak dan mempunyai kandungan minyak tinggi antara 40 hingga 48 peratus berbanding tandan yang hanya mengandungi minyak antara 18 hingga 22 peratus," katanya.

Strategi lain bagi membantu pekebun kecil sawit meningkatkan produktiviti adalah melalui bantuan menjalankan aktiviti integrasi tanaman atau ternakan dengan tanaman sawit.

"Pekebun kecil sawit boleh mengintegrasikan tanaman sawitnya dengan tanaman kontan seperti pisang, nanas, seko, jagung dan lain-lain terutama pada peringkat awal penanaman di mana sawit masih belum mengeluarkan hasil.

Aktiviti intergrasi

"Pekebun kecil juga boleh mengusahakan aktiviti integrasi ternakan seperti lembu dan kambing di kebun sawit mereka mengikut kesesuaian," katanya.

Kajian MPOB, pekebun kecil yang mengamalkan aktiviti integrasi dengan tanaman dan ternakan itu berupaya menjana tambahan pendapatan kepada mereka selain daripada pendapatan hasil jualan BTS," kata Datuk Dr Choo Yuen May.

Pekebun kecil turut digalakkan supaya menyertai koperasi dengan tujuan supaya pekebun kecil bersatu dan menjual BTS mereka secara berkelompok bagi menda-

pat harga yang lebih baik. "Pekebun kecil juga digalakkan menubuhkan koperasi sendiri atau menjadi ahli kepada koperasi sedia ada atau menyertai koperasi pertubuhan peladang di kawasan masing-masing."

Beliau berkata, pekebun kecil yang menyertai koperasi berupaya mendapat bayaran harga BTS lebih tinggi, iaitu antara 15 hingga 20 peratus berbanding harga jualan BTS kepada peraih persendirian.

Melalui inisiatif MPOB, 30 Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) ditubuhkan di seluruh negara.

"KPSM menjalankan aktiviti utama mengumpul dan menjual BTS ahlinya secara berkelompok dan sebahagiannya ada juga membekal dan menjual input pertanian seperti baja, racun dan lain-lain untuk keperluan ahli," katanya.

Bagi memastikan pekebun kecil sawit berupaya melaksanakan amalan pertanian baik dan mengapakai inovasi serta teknologi baru penanaman sawit, MPOB menyediakan dan menempatkan pegawai TUNAS di 45 buah pejabat MPOB di seluruh negara.

"Pegawai TUNAS bersedia dan diberi tanggungjawab untuk memberi nasihat serta tunjuk ajar dan pada masa sama menyampaikan teknologi serta inovasi baharu penanaman sawit kepada pekebun kecil sawit," katanya.

Beluga tingkat produktiviti, jentera moden pelbagai guna

» Kos operasi, selenggara murah, pulangan modal dalam tempoh dua tahun

Oleh Mohd Solah Deraman
solah@mpob.gov.my

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Unit Penjenteraan Ladang telah menjalankan penyelidikan dengan membangunkan jentera yang dibina khusus untuk kegunaan ladang dan kebun sawit seperti jentera pengangkut pelbagai guna, jentera pemotong sawit mekanikal, jentera dan alat pengutip buah sawit relai. Pembangunan jentera dan peralatan ini adalah bagi memudahkan aktiviti ladang yang secara langsung dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekerja.

Beluga adalah salah satu jentera pelbagai guna terkini yang dihasilkan bagi melakukan aktiviti selepas tuai buah sawit (BTS) di ladang yang direka bentuk mengikut kesesuaian

permukaan tanah khasnya pada kawasan tanah gambut.

Kos penyelenggaraan murah

Beluga boleh digunakan untuk melakukan pelbagai aktiviti perladangan sama ada mengangkut BTS, membaja, meracun dan melakukan kerja-kerja penyelenggaraan lain di ladang sawit. Penggunaan jentera ini, mampu menjalankan kerja sekitar 25 hingga 30 tan sehari dengan kos operasi iaitu bahan bakar dan penyelenggaraan sekitar RM 73.00 sehari (untuk 25 tan) atau RM 2,044.00 sebulan dengan 28 hari bekerja sebulan.

Daripada segi pulangan modal, Beluga dipasarkan pada harga di antara RM 78,000 sebuah dengan pembelian boleh dilakukan dengan pinjaman dengan institusi kewangan.

Jika kadar upah yang dikenakan untuk kerja-kerja mengangkut adalah RM 10.00/tan, maka pendapatan kasar atau penjimatan yang boleh dilakukan dengan penggunaan Beluga adalah sekitar RM 177.00 sehari atau RM 4,956.00 sebulan.

Oleh itu, penggunaan Beluga memberi pulangan modal yang cepat iaitu antara 1 1/2 hingga 2 tahun sahaja selepas ditolak kos operasi dan kos lain-lain.

Produktiviti penggunaan Beluga



Jentera pelbagai guna Beluga dihasilkan bagi melakukan aktiviti selepas tuai buah tandan segar di ladang yang direka mengikut kesesuaian permukaan tanah.

adalah 3.13 tan untuk seorang pekerja sehari berbanding 1.5 tan untuk seorang pekerja sehari. Oleh itu, untuk pengangkutan BTS 25 tan satu hari, penggunaan Beluga hanya memerlukan 8 pekerja berbanding 16 pekerja yang menggunakan kaedah konvensional dan memberi penjimatan sehingga 50 peratus tenaga kerja.

Umum mengetahui, tenaga kerja merupakan faktor utama dalam menghasilkan pendapatan sektor perladangan sawit. Sehingga kini, terdapat kira-kira 500 ribu tenaga di sektor sawit dengan keluasan secara kasar sekitar 500 juta hektar dan daripada jumlah itu, lebih daripada dua pertiga daripadanya adalah tenaga kerja asing.

Atasi masalah buruh

Ini menunjukkan industri sawit negara kita, jika tiada tenaga kerja asing, kemungkinan industri ini tidak bermaya dan lumpuh. Masalah buruh ini merangkumi semua aktiviti penanaman sawit sama ada ianya syarikat perladangan atau pun pekebun kecil.

Bagi menangani masalah itu, penyelesaian jangka panjang perlu dicari dan satu strategi adalah melalui penggunaan mekanisasi atau penggunaan jentera secara menyeluruh.

Ia juga selaras dengan visi kerajaan dan industri sawit bagi meningkatkan hasil pengeluaran komoditi dan menjadikan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport utama komoditi ke pasaran dunia.

Peningkatan tahap penggunaan mekanisasi dan automasi di ladang perlu diutamakan. Mekanisasi di setiap aktiviti pengeluaran dari peringkat penyediaan tapak atau tanah hinggalah kepada pemasaran hasil komoditi akan membantu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan penggunaan tenaga buruh, termasuk pekerja asing.

Jentera pelbagai guna

Beluga adalah jentera kompak bertrek getah yang berukuran 1.5 meter lebar dan 2.8 meter panjang. Reka bentuknya teguh dengan pengagihan berat jentera yang efisien bagi memberi tekanan pada permukaan tanah yang paling rendah.

Ia dibangunkan khusus untuk menjalankan kerja-kerja di kawasan tanah gambut yang tidak boleh dilakukan oleh jentera lain.

Jentera ini sebelum dipasarkan, ianya melalui beberapa ujian bagi menganalisa ketahanan dan kekuatan melakukan kerja-kerja mengangkut yang ditetapkan. Setelah beberapa penambahbaikan dilakukan, jentera pengangkut pelbagai guna ini dilancarkan di pasaran dengan nama Beluga.

Penggunaan Beluga di kawasan tanah gambut

Ciri kebaikan Beluga
 • Secara asasnya, Beluga merupakan jentera kawalan hidrostatik yang digerakkan dengan kawalan satu batang bedik (single joystick control) yang ringkas dan senang digunakan. Ianya menggunakan enjin diesel 4-lejang jenis Kukje-Cummins berkuasa 37 kuasa kuda (hp) dengan sistem penyejukan cecair yang memberikan kuasa secara optimum bagi pengoperasian pada kawasan tanah gambut.

• Penggunaan Beluga sebagai jentera pengangkut berupaya menghasilkan purata 25 tan BTS sehari di kawasan bergambut dengan penggunaan bahan api sebanyak 12 – 15 liter sehari untuk lapan (8) jam kerja.

Produktiviti

• Beluga kini telah digunakan secara meluas di ladang-ladang seluruh Malaysia. Daripada maklumbalas oleh pengguna yang menggunakannya, penggunaan Beluga berupaya meningkatkan produktiviti lebih daripada sekali ganda dengan menjimatkan tenaga kerja sekitar 50 peratus berbanding dengan menggunakan kaedah konvensional iaitu kereta sorong.

• Purata penggunaan kereta sorong dalam aktiviti pengangkutan BTS adalah satu setengah tan (1 1/2) untuk seorang pekerja sehari.

Analisa produktiviti penggunaan Beluga:

- Ha/hari : 18.00 ha
- Mt/hari : 25.00 tan
- Kos operasi / Mt : 2.90
- Kos Ha/Pekerja/hari : 2.25
- Kos Mt/pekerja/hari : 3.13

Nota:

- Bilangan pekerja untuk sebuah Beluga : 8 orang
- (Operator 1 orang / Loader 2 orang / Penuai 5 orang)
- Keluasan penggunaan untuk sebuah Beluga : 250 ha
- Untuk masa bekerja 8 jam sehari / 28 hari sebulan.

Kepelbagaian penggunaan Beluga

• Secara umumnya, penggunaan jentera hendaklah dipandang secara menyeluruh dan tidak tertumpu kepada aktiviti mengangkut BTS sahaja. Beluga tidak tertumpu kepada kerja-kerja mengangkut BTS sahaja, bahkan boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain seperti merumpai dan membaja jika ianya dilengkapi dengan alatan-alatan yang bersesuaian dengan aktiviti tersebut. Ini akan mengoptimalkan penggunaan jentera dan boleh digunakan sepanjang masa. Sebagai contoh dengan penambahan dan sedikit pengubahsuaian pada bahagian bin, Beluga boleh digunakan untuk kerja-kerja membaja dan meracun.

Penggunaan Beluga bagi aktiviti pembajaan di ladang sawit

• Beluga dijangka mampu bersaing dengan jentera pengangkut yang sedia ada di pasaran memandangkan ianya direka khusus untuk kawasan tanah gambut. Selain tanah gambut, Beluga senang dikawal dan berupaya untuk bekerja pada tempat-tempat yang sempit dan berteres yang sukar dimasuki jentera lain. Dengan harga yang kompetitif, Beluga dijangka akan mendapat sambutan di kalangan pengusaha ladang kelapa sawit. Beluga dipasarkan oleh MIZOU Holdings Sdn Bhd yang boleh dihubungi melalui no.Tel 03-7734 7050 atau e-mail sales@mizou.com.my

PEMOTONG SAWIT BERMOTOR GENERASI BARU

Cantas EVO

RM1000 diskaun
bagi setiap pembelian Cantas Evo

- Berkualiti tinggi
- Ringan
- Capaian lebih tinggi
- Rendah getaran

Galah	Enjin (Negara)	Berat (kg)
Gentian karbon	Modenas (Malaysia)	7.31
Aloi aluminium		7.88
Gentian karbon	Maruyama (Jepun)	7.5
Aloi aluminium		8.12
Gentian karbon	Oleo Mac (Itali)	7.89
Gentian karbon	Solo (Jerman)	8.24
Gentian karbon	Husqvarna (Sweden)	7.52

SPESIFIKASI

Enjin	: Petrol (2-lejang)
Kekuatan enjin	: 1.2 – 1.5kk
Panjang maksima	: 6.0 m
Capaian maksima	: 7.0m
Saiz tangki petrol	: 0.4 litre

PRODUKTIVITI

Penuaian	: 4 – 10 MT/mesin-hari (bergantung kepada tahap penghasilan)
Produktiviti pekerja	: 2- 3 MT/orang-hari
Penggunaan petrol	: 0.15 liter/jam

BERAT

i.e. Panjang 4m (Capaian 5m)

CIRI-CIRI ISTIMEWA

1. Kepala pemotong yang berkualiti tinggi yang lebih lasak dan tahan
2. Sabit yang lebih pendek dan ringan
3. Pemegang sabit boleh-laras yang memudahkan pelarasan sudut sabit
4. Pemegang universal yang memudahkan penukaran samada sabit atau pahat
5. Pelaras ketinggian yang tahan lasak
6. Galah gentian karbon yang lebih ringan dan kurang lentur

PEMBEKAL YANG DILANTIK MPOB

NAFAS JENTERA SDN BHD
 TEL: 03-78013897
 HP : 019-9968924 (EN. KHAIRULISHAM)

Malaysian Palm Oil Board
 No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
 Tel : 603-8769 4400 Fax : 603-8925 9446 www.mpob.gov.my

Pengendalian yang mudah dengan satu pedal sahaja (single joystick)

Dipasang dengan Power Take Off untuk kepelbagaian penggunaan bagi pemasangan alatan membaja dan meracun

Jaminan trek getah sehingga 2,000 jam kerja

Direka bentuk dengan 'highpivot tipping' bagi mengurangkan kerja berulang (double handling)

Penggunaan Beluga dapat meningkatkan produktiviti dan mempercepatkan kerja di ladang.

KP MPOB terima Anugerah Merdeka 2014

► Kuala Lumpur

Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), adalah antara penerima anugerah berprestij, Anugerah Merdeka, tahun ini.

Menurut laporan BERNAMA, para penerima yang lain adalah kartunis tersohor Malaysia, Datuk Mohammed Nor Khalid; bekas Ke-

tua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Mohd Khan Momin Khan; pendarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia Universiti Sains Malaysia, Prof Dr Abdul Latif Ahmad; Dekan Penyelidikan, Bahan dan Pembuatan Penyelidikan Bersekutu, Prof Dr Ahmad Fauzi Ismail; dan ahli biologi kelahiran United Kingdom, Earl of Cranbrook kelima.

Sultan Perak Sultan Nazrin Shah, yang juga Penaung Diraja Lembaga Pemegang Amanah Anugerah Merdeka mengumumkan nama penerima ketika bertitah di Kelab Petroleum Malaysia pada Khamis lalu.

“Pencarian, pencalonan dan pemilihan penerima Anugerah Merdeka yang bermula pada Januari tahun ini dijalankan secara rapi serta menyeluruh dan sejak diwujudkan pada 2007, pencapaian dan sumbangan 22 individu serta dua organisasi mendapat pengiktirafan,” titah baginda.

Dr Choo, 59, menerima anugerah dalam kategori kesihatan, sains dan teknologi berikutan sumbangannya dalam pembangunan proses yang baharu, cekap dan mesra alam bagi industri berasaskan sawit melalui penyelidikan dan pengkomersialan pelbagai teknologi.

Mohammed Nor atau lebih dikenali sebagai Lat, 63, dipilih daripada kategori pendidikan dan komuniti berdasarkan sumbangan cemerlang beliau terhadap promosi serta pemajmukan identiti budaya Malaysia menerusi penggunaan kartun dan usaha memupuk persefahaman serta

saling menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Mohd Khan, 79, diiktiraf atas sumbangan beliau terhadap penyelidikan dan pemeliharaan hidupan liar menerusi penubuhan pusat pembiakan dalam kandang selain menjadi perintis dan berjaya menguruskan konflik manusia-hidupan liar di kawasan terlibat.

Kategori pencapaian akademik cemerlang dianugerahi secara bersama kepada Abdul Latif, 47, dan Ahmad Fauzi, 48. Abdul Latif diberi penghormatan atas sumbangan beliau sebagai ahli sains membran, ahli teknologi dan pencipta bagi pemisahan gas serta rawatan air dan air kumbahan.

Ahmad Fauzi mendapat pengiktirafan meluas kerana sumbangan beliau sebagai ahli sains membran, ahli teknologi dan pencipta bagi pemisahan gas serta rawatan air dan air kumbahan.

Earl of Cranbrook kelima, 81, dipilih untuk anugerah sumbangan cemerlang dalam merintis penyelidikan dan biodiversiti hutan serta ekologi Malaysia.

Kategori ini terbuka kepada bu-

memberi sumbangan besar kepada negara ini dan rakyatnya.

Para penerima mendapat trofi Anugerah Merdeka, karya seni Merdeka yang dihasilkan artis tempatan Latiff Mohidin dan RM500,000.

Anugerah Merdeka, yang disampaikan setiap tahun sejak 2007, dianugerahkan kepada individu dan organisasi cemerlang yang kerja mereka meninggalkan kesan luar biasa kepada Malaysia dan rakyatnya.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif khas Anugerah Merdeka tahun ini, Sultan Nazrin Shah turut mengumumkan penerima Geran Anugerah Merdeka bagi Penempatan Antarabangsa, geran jangka pendek yang diwujudkan khusus bagi rakyat Malaysia yang layak berumur 22 hingga 35 tahun untuk melibatkan diri dalam projek kerjasama di institusi terpilih yang mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Mereka ialah Ketua Fisiologi di Royal College of Surgeons Ireland-Universiti Perdana di Malaysia Dr Kamalan Jeevaratnam dan pendarah kanan di Universiti Putra Malaysia, Dr Lim Hong Ngee.

Skim bantuan anak benih jana pendapatan

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Sibu: Kajian awal ke atas pendapatan pekebun kecil sawit di Sarawak dan Sabah yang menerima Skim Bantuan Anak Benih Berkualiti (SBABB) meningkat masing-masing sebanyak 112.90 peratus dan 112.72 peratus hasil penjualan buah tandan segar (BTS) kebun sawit mereka yang mula ditanam pada tahun 2006 berbanding dengan pendapatan pekebun kecil bukan penerima SBABB.

Pekebun kecil SBABB Sarawak merekodkan pendapatan RM7,152.20/ha/th berbanding bukan peserta SBABB (RM 3,359.40/ha/th) manakala pekebun kecil SBABB Sabah RM 7,167.80/ha/th berbanding bukan peserta (RM 3,370.40/ha/th).

Pegawai Penyelidik Prinsipal MPOB, Zulkifli Abdul Manaf (**gambar**) berkata demikian semasa membentangkan kertas kerjanya bertajuk ‘Penilaian ke atas Pencapaian Awal Hasil dan Pendapatan Peserta Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti’ (SBABB), di Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014, baru-baru ini.

Zulkifli berkata, kajian awal itu berdasarkan pelaksanaan SBABB ke atas seramai 5,697 pekebun kecil di Sarawak dan Sabah pada 2006 sehingga 2010 de-



ngan membabitkan keluasan berjumlah 12,476 hektar atau purata keluasan seluas 2.2 hektar tanaman sawit.

Hasil jualan BTS pertama

“Pendapatan itu adalah hasil jualan BTS pertama yang dituai ketika tanaman sawit SBABB berusia 31 hingga 42 bulan selepas tanam berdasarkan harga BTS di Sarawak dan Sabah masing-masing RM447.78/tan dan RM 442.68/tan,” katanya.

Zulkifli berkata, peserta SBABB di dua negeri itu berjaya mencatat pengeluaran BTS sebanyak 7.30 t/ha/th dengan pendapatan kasar sebanyak RM 3,250/ha/thn. Dengan purata keluasan 2.2 hektar, mereka berupaya menjana pendapatan RM7,150/thn hasil jualan BTS tanaman sawit SBABB.

“Perhatian lanjut ke atas peserta SBABB didapati peningkatan hasil BTS berlaku dengan cemerlang apabila beberapa pe-

serta di Sabah dan Sarawak berupaya mendapat hasil BTS sehingga melebihi 30 tan/ha pada tahun 2013.

“Antaranya ialah Rohani Chin dari Sabah yang berjaya mencapai pengeluaran hasil BTS sebanyak 40.30 tan/ha dan John Ak Junak dari Sarawak berupaya mencapai 35.12 tan/ha,” katanya.

Beliau berkata, ada peserta SBABB berupaya mendapat hasil BTS tinggi itu mempraktikkan amalan pertanian baik seperti dinasihatkan pegawai MPOB.

“Antaranya penyediaan kawasan dan teknik tanaman yang betul, pembajaan tiga kali setahun, kawalan rumpai, pemangkasan yang menepati polisi pemangkasan dan setiap pusingan penuaian BTS dilakukan di antara 10 hingga 14 hari,” katanya.

Sikap positif peserta SBABB yang mencapai hasil BTS yang tinggi juga turut menjadi faktor utama dalam kejayaan mereka.

“Pemerhatian mendapati kekerapan peserta pergi ke ladang adalah lebih daripada lima kali seminggu dan mereka turut meluangkan masa tidak kurang lapan jam sehari bagi menyelenggara dan menyelia kerja di kebun sawit mereka.

“Sikap sebegini merupakan aset utama peserta SBABB yang memastikan penyelenggaraan dan kerja oleh pekerja dilakukan seperti dinasihatkan oleh MPOB menyumbang kepada kejayaan,” katanya.

KPSM bantu pekebun kecil di Sabah, Sarawak

Pegawai Penyelidik MPOB, Azman Ismail (**gambar**), berkata, Koperasi Penanam Sawit Mampuan (KPSM) berupaya membantu ahlinya yang terdiri daripada pekebun kecil sawit meningkatkan pendapatan melalui hasil jualan buah tandan segar (BTS) sehingga melebihi 25 peratus berbanding dengan pendapatan pekebun kecil sawit bukan ahli KPSM.

Jualan BTS ahli KPSM Saratok, Sarawak pada 12 Julai 2014 kepada Kilang Sawit Saratok berjaya mendapat harga RM524.80/tan berbanding RM414.60/tan harga BTS ditawarkan pe-



Ramai jadi ahli KPSM

“Tawaran OER yang tinggi itu sekali gus akan memberikan harga BTS yang tinggi,” katanya.

Semakin ramai pekebun kecil sawit menjadi ahli KPSM, maka peluang mendapat tawaran OER lebih tinggi daripada kilang sawit lebih besar memandangkan kuantiti BTS yang dijual kepada kilang adalah besar.

Ahli KPSM mendapat harga BTS sebanyak RM110.20 atau 26.6 peratus lebih tinggi berbanding pekebun kecil bukan ahli KPSM.

Azman berkata ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk ‘Kesan Penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampuan (KPSM) ke atas Pendapatan Pekebun Kecil Sawit’ pada persidangan sama.

Beliau berkata, KPSM akan mengumpul ahli yang terdiri daripada pekebun kecil sawit dan menjual hasil BTS secara berkelompok kepada kilang yang memproses BTS bagi menghasilkan minyak sawit mentah (MSM).

“Kilang sawit, pada kebiasa-

annya tidak akan membeli BTS secara terus daripada pekebun kecil atau individu persendirian. Jualan BTS secara terus dan berkelompok melalui KPSM kepada kilang sawit itu akan berpeluang mendapat tawaran kadar perahan minyak (OER) yang lebih tinggi daripada kilang berbanding OER yang ditawarkan oleh peniaga orang tengah atau peniaga BTS persendirian.

“Tawaran OER yang tinggi itu sekali gus akan memberikan harga BTS yang tinggi,” katanya.

Semakin ramai pekebun kecil sawit menjadi ahli KPSM, maka peluang mendapat tawaran OER lebih tinggi daripada kilang sawit lebih besar memandangkan kuantiti BTS yang dijual kepada kilang adalah besar.

Azman berkata, tujuan utama penubuhan KPSM adalah untuk menyatukan pekebun kecil sawit persendirian supaya dapat menjalankan aktiviti dan projek bagi kebaikan bersama.

KPSM yang pertama ditubuhkan ialah KPSM Daerah Tongod, Sabah pada 14 Januari 2011 dengan jumlah ahli seramai 311 orang pekebun kecil sawit dan KPSM kedua adalah KPSM Daerah Saratok, Sarawak pada 16 Februari 2011 dengan jumlah ahli 422 orang pada masa kini.

Baja sawit MPOB F6 dilancar

» Produk jenis premium untuk peladang tingkat hasil keluaran

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

SIBU

MPOB dan syarikat Consolidated Fertiliser Corporation Sdn Bhd (CFC) melancar produk baja sawit baharu dikenali MPOB F6, baja sawit jenis premium yang unggul untuk digunakan oleh peladang dan pekebun kecil sawit bagi pembajaan tanaman sawit mereka.

Pelancaran produk baja itu disempurnakan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas sempena perasmian Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014 yang diadakan di Hotel Kingwood di sini, baru-baru ini.

Produk Baja F6 adalah hasil penyelidikan dan pembangunan MPOB yang diketuai oleh Pegawai Penyelidik Prinsipal Kanan, Dr Khalid Haron. Melalui perjanjian

kerjasama MPOB – CFC, syarikat CFC diberi lesen untuk mengeluarkan dan mengkomersial produk tersebut di pasaran.

Dr Khalid semasa ditemu bual selepas pelancaran produk itu berkata pembajaan adalah faktor utama bagi pengusaha ladang dan pekebun kecil sawit untuk meningkatkan hasil pengeluaran buah tandan segar (BTS) tanaman sawit mereka.

Hasil BTS seperti disasar

Katanya, peladang dan pekebun kecil sawit tidak boleh berkompromi dengan pembajaan, kerana tiada baja, pokok sawit tidak akan berupaya menghasilkan BTS seperti yang disasarkan.

“Bukan itu sahaja, baja juga merupakan kos yang perlu dikawal bagi memastikan peladang dan pekebun kecil sawit berupaya menikmati pendapatan hasil jualan BTS secara optimum.”

“Ini disebabkan lebih 50-60 peratus kos bagi pengeluaran BTS adalah daripada kos pembajaan,” katanya.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersama Dato' Noriah Kasnon (kiri), Datuk Himmat Singh, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Datuk Dr Choo Yuen May dan Koh Chin Keong (kanan) semasa pelancaran baja MPOB F6.

Dr Khalid juga berkata baja MPOB F6 merupakan baja premium kompak yang unggul dengan formulasi nutrien yang seimbang dan dirumus khas untuk pokok sawit muda dan matang.

Sementara itu, wakil syarikat CFC, Koh Chin Keong berkata, proses pengeluaran baja MPOB F6 menggunakan sumber bahan bermutu tinggi dan dikisar halus, digaul sama rata sebelum dipadatkan dan dipecahkan dalam bentuk kompak dan seragam.

“Baja ini sesuai digunakan untuk semua jenis tanah mineral tropika dengan lebih berkesan

yang biasanya mengandungi fosfat yang rendah.

“Bagi kebanyakan baja yang ada di pasaran kandungan fosfatnya adalah daripada batuan fosfat yang mana kecekapan pengambilan fosfat adalah rendah sekitar 20 peratus hingga 30 peratus sahaja.

Keistimewaan baja MPOB F6

Katanya lagi, keistimewaan baja MPOB F6 ini kerana ianya mengandungi 100 peratus bahan unsur fosfat larut dengan analisis melebihi 60 peratus fosfat larut air di mana sepenuhnya dapat

diambil oleh pokok sawit dengan lebih efektif.

“Produk baja MPOB F6 ini sentiasa padat dan tidak berketul di mana mudah ditabur berselerak di ladang. Bagi ladang-ladang besar baja MPOB F6 juga boleh ditabur dengan menggunakan jentera ‘spreader’.”

“Penggunaan baja MPOB F6 berupaya membantu tumbesaran pokok sawit dengan lebih baik dan sekali gus berupaya menghasilkan BTS yang tinggi dan memberi peningkatan pendapatan kepada peladang dan pekebun sawit,” katanya.

MPOB juara Karnival Sukan MPIC 2014



Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Pembangunan) MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din menjulang trofi kejuaraan kejohanan sukan MPIC 2014, selepas diisytiharkan MPOB muncul Johan Keseluruhan pada temasya sukan itu bagi edisi 2014.

Oleh Syed Mohd Hazry Syed Hamid

mohd.hazry@mpob.gov.my

BANGI: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) muncul juara dalam Karnival Sukan MPIC 2014 yang berlangsung di Pusat Sukan, Universiti Putra Malaysia, Serdang pada 15-17 Ogos 2014 baru-baru ini.

Kejayaan MPOB mengekalkan kejuaraan pada edisi 2014 menjadikan MPOB muncul juara Karnival Sukan MPIC ini untuk lima kali berturut-turut, iaitu juara pada edisi tahun 2006 di Sarawak, 2008 di Kelantan, 2010 di Melaka dan 2012 di INSPEN, Bangi, Selangor.

Karnival sukan itu disertai oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) selaku tuan rumah dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

(MPIC) serta agensi di bawahnya iaitu MPOB, Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan Gabungan Majlis-Majlis (GMM).

Sejumlah 22 acara sukan dipertandingkan dan MPOB dengan bilangan 210 orang atlet berjaya mengutip jumlah mata tertinggi iaitu

162 mata selepas menjuarai dalam 8 acara, 7 naib juara dan 4 tempat ketiga.

Tempat kedua dan ketiga disandang oleh LGM dengan kutipan mata berjumlah 138 mata dan LKTN dengan 87 mata.

Seramai 1,300 atlet menyertai Karnival Dwi-Tahunan Sukan MPIC itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon. Turut hadir Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua-ketua Pengarah agensi lain di bawah MPIC.

FAKTA NOMBOR

22

acara

dipertandingkan dalam Karnival Sukan MPIC 2014

MPOC terus terajui isu kemampunan sawit

» Lebih 200 peserta tempatan, luar negara turut menyertai persidangan

Persidangan Antarabangsa Kemampunan Minyak Sawit (IPOSC) ke-4 yang diadakan di Kota Kinabalu baru-baru ini adalah bukti bahawa Malaysian Palm Oil Council (MPOC) amat serius dalam menangani isu berkaitan dengan kemampunan industri sawit. Acara yang berlangsung selama 2 hari itu bermula pada 19 hingga 20 Ogos 2014 telah dirasmikan oleh Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor.

Lebih 200 peserta tempatan dan luar negara iaitu dari Pe-

rancis, Bangladesh dan Indonesia turut menyertai persidangan itu. Kertas kerja mengenai tajuk yang berkaitan dengan isu-isu kemampunan minyak sawit, dasar dan cabaran pensijilan, ILUC dan inisiatif pemuliharaan hidupan liar telah dibentangkan oleh pembentang tempatan dan luar negara terutama dari Jerman, Amerika Syarikat dan Australia.

Pada majlis perasmian acara itu, Dato' Lee Yeow Chor berkata, industri minyak sawit Malaysia amat komited dalam menerajui pengeluaran minyak sawit secara mampan, mengambil berat terhadap alam sekitar dan pada masa yang sama memacu peningkatan sosio-ekonomi masyarakat.

"IPOSC adalah platform yang tepat untuk mempamerkan usaha itu serta berkongsi maklumat dan bersama-sama berbincang bagi menangani cabaran-caba-



Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor ketika berucap merasmikan IPOSC 2104. Turut kelihatan, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi, Datuk M Nagarajan (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron (kanan).

ran baru yang dihadapi oleh industri sawit Malaysia."

Dato' Lee berkata, minyak sawit terus menjadi sumber utama minyak dan lemak di pasaran dunia dan memainkan peranan penting sebagai komoditi utama menghasilkan produk makanan dan bukan makanan.

Amalan pertanian

"Oleh yang demikian, adalah penting komoditi ini dihasilkan melalui amalan-amalan pertanian mampan bagi memastikan produk yang dihasilkan selamat untuk dimakan dan pada masa yang sama ianya menangani isu keselamatan makanan yang dihadapi oleh pengguna," katanya.

Pada 2013, minyak sawit menyumbang 30 peratus daripada jumlah penggunaan minyak dan lemak dunia, berbanding minyak soya dan minyak sesawi yang masing-masing menyumbang sebanyak 23 peratus dan 13 peratus.

"Disebabkan sumbangan yang penting dan potensi untuk berkembang pada kadar yang lebih cepat daripada minyak sayuran dan lemak lain, minyak sawit terus disasarkan dalam media dan menerima perhatian meluas daripada para penggubal undang-undang mengenai kemampunan dan kesannya terhadap alam se-

kitar," katanya.

Industri minyak sawit Malaysia mempunyai pengalaman yang panjang dan sejak penanaman komoditi ini mula diperkenalkan secara komersial di negara ini, ianya ditanam di atas tanah pertanian yang diluluskan undang-undang negara.

Hakikat bahawa industri ini telah berkembang maju lebih daripada 50 tahun dan kini terbukti memberi manfaat meningkatkan taraf sosio-ekonomi beratus-ratus ribu penduduk luar bandar adalah testimoni terbaik terhadap kemampunan industri minyak sawit Malaysia.

Industri minyak sawit Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menambahbaikkan penanaman dan pengeluaran minyak sawit. Ini juga terbukti melalui beberapa tindakan lain seperti pelaksanaan pelbagai mandat kerajaan Malaysia berkaitan pemuliharaan hutan, kawalan pencemaran, pembuangan efluen kilang dan sebagainya.


Rasmi buku laporan

Sempena majlis perasmian IPOSC 2014, buku Laporan Status Kemampunan Industri Minyak Sawit Malaysia 2013/2014 telah

dilancarkan oleh Dato' Lee. Buku yang disusun dan diterbitkan oleh Akademi Sains Malaysia itu mengadungi laporan analisis bebas mengenai kemampunan industri minyak sawit Malaysia dan langkah-langkah yang dijalankan di sepanjang rantaian nilai bagi memenuhi dan mematuhi kriteria kemampunan.

IPOSC 2014 dianjurkan sebagai platform untuk menyampaikan maklumat penting dan memaklumkan bahawa industri minyak sawit Malaysia sentiasa beroperasi melalui prinsip-prinsip amalan pertanian baik bagi memastikan minyak sawit yang dihasilkan adalah mampan dan sekali gus memenuhi kehendak permintaan pengguna di pasaran dunia.

"Industri minyak sawit Malaysia melalui MPOC komited bagi memastikan semua rantaian penghasilan minyak sawit dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip kemampunan yang ditetapkan, bukan sahaja untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk dan menjana pendapatan kepada negara malah merupakan tanggungjawab sosial utama supaya alam sekitar terus terpelihara dan pada masa yang sama memastikan minyak sawit selamat untuk dimakan," katanya.



Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor melancarkan buku Laporan Status Kemampunan Industri Minyak Sawit Malaysia 2013/2014 sempena perasmian IPOSC 2014 sambil diperhatikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ASM, Dr Ahmad Ibrahim (kiri), Datuk M Nagarajan (dua dari kiri) dan Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron (dua dari kanan).

Kemajuan industri sawit disokong oleh pembangunan teknologi

Kini penggunaan minyak sawit tidak terbatas lagi kepada kapasiti penggunaan tradisinya sebagai bahan utama masakan. Pelbagai bentuk kemajuan teknologi yang berjaya dicapai negara memberi peluang bahan komoditi tersebut berkembang cergas dan menikmati pasaran lebih luas.

Dari pasaran tempatan yang terhad, menjangkau pasaran antarabangsa yang sekaligus mampu menganjakkan penggunaan klasiknya sehingga mampu menjejak bidang automotif, kosmetik, barangan pengguna, produk-produk sokongan sektor pertanian, produk makanan, barangan seni, farmaseutikal dan sebagainya.

Pengenalan biodiesel ke dalam sektor pengangkutan negara menjadi penanda aras terlepasnya kebergantungan negara kepada bahan api berasaskan fosil. Dalam segmen kosmetik, pelbagai produk berasaskan tokotrienol sawit berjaya dihasilkan. Selain itu, produk pengguna yang lain seperti barangan cucian pinggan mangkuk serta penjagaan diri seperti syampu, losyen dan sebagainya merupakan inovasi yang membanggakan dan bersedia untuk dipasarkan kepada pengguna.

Produk sokongan bagi sektor pertanian serta penanaman sawit juga banyak dihasilkan daripada inovasi yang berkaitan. Sebagai contoh, produk 'Ganocare' yang mampu mengurangkan impak infeksi kulat Ganoderma pada pokok sawit. Produk ini mampu me-

PEMENANG PERTAMA
Muhammad Arif Azahari Zailiani
(No. K/P: 970328-11-5061)
SMS Hulu Terengganu, Terengganu

rangsang pokok sawit membina keupayaan melawan jangkitan penyakit Ganoderma.

Selain itu, MPOB turut menghasilkan formulasi bagi pembuat lilin batik, serta pelbagai formulasi dalam penghasilan produk makanan berasaskan sawit seperti marjerin, santan dan ais krim. Senarai produk serta inovasi yang berjaya dihasilkan menunjukkan pencapaian dalam menentengahkan peranan serta kepentingan sawit. Segala bentuk inovasi ini

“Pengenalan biodiesel ke dalam sektor pengangkutan negara menjadi penanda aras terlepasnya kebergantungan negara kepada bahan api berasaskan fosil”

adalah kesan nyata penyelidikan dan pembangunan teknologi yang dihasilkan serta bersedia untuk dikomersialkan.

Dalam kerangka mengkomersialkan semua teknologi tersebut, MPOB turut berkolaborasi dengan pelbagai institusi serta syarikat tempatan bagi memasarkan hasil inovasi untuk kegunaan pasaran umum.

Dengan berkembangnya pelbagai teknologi terkini, masa depan komoditi ini tidak lagi terkontang-kanting. Malah ia amat diperlukan dalam skala yang lebih besar. Ke arah mencapai matlamat menghasilkan produk yang mampu menggambarkan keunggulan Malaysia, bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) komoditi ini perlu terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. R&D membantu meningkatkan potensi penggunaan bahan komoditi tersebut disamping mengawal kualiti produk yang dihasilkan agar diperakui dan mencapai tahap penggunaan di peringkat antarabangsa. Hal ini akan mewujudkan suatu senario positif dan industri sawit mampu terus menjana ekonomi untuk negara.

Kemajuan industri sawit memberi kesan langsung kepada mereka yang terlibat dengan industri ini. Pengusaha sawit dalam pelbagai sektor mampu menjana pendapatan yang lebih baik dan meningkatkan taraf hidup masing-masing. Pembangunan teknologi dalam industri sawit memberi impak positif kepada negara secara keseluruhannya.

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit September 2014

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: **“Bagi mencapai produktiviti buah tandan segar yang tinggi, pekebun kecil disarankan amalkan sistem pertanian baik. Bincangkan”.**

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
Hadiah Pertama : RM250
Hadiah Kedua : RM200
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan

dalam *Berita Sawit* keluaran bulan Oktober 2014 akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 24 September 2014
6. Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor

u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Ogos 2014

Pemenang:

Hadiah Pertama

Muhammad Arif Azahari Zailiani
(No. K/P: 970328-11-5061)
SMS Hulu Terengganu,
Terengganu

Hadiah Kedua

Nuramirah Anuarashid
(No. K/P: 970515-13-6044)
SM Dato' Abdul Rahman Ya'kub, Merlimau, Melaka

Hadiah Ketiga

Tiada pemenang



KUIZ SAWIT siri 45

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6.
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang.
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang.
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **24 SEPTEMBER 2014**.
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 45)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 45

1. Apakah singkatan bagi MPOB?
 Malaysian Palm Oil Board Malaysian Palm Oil Berhad
 Malaysian Palm Oil Bangi
2. Maklumat mengenai industri sawit dan MPOB boleh diperolehi melalui laman sesawang?
 www.mpob.com.my www.mpob.gov.my www.mpob.org.my
3. Apakah nama skim yang diperuntukkan kepada pekebun kecil untuk menanam semula pokok kelapa sawit?
 Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK)
 Skim Tanaman Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK)
 Skim Tanam Balik Sawit Pekebun Kecil (TSBPK)
4. Kursus ini mampu melahirkan pekerja mahir ladang sawit. Apakah nama kursus tersebut?
 Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML)
 Kursus Ladang Sawit
 Kursus Sawit
5. Namakan jenis burung yang menjaga pokok sawit dari diserang makhluk perosak?
 Burung Nuri Burung Tioang Burung Hantu
6. Apakah warna buah sawit yang masak?
 Kuning jernih Merah pekat Kuning kemerahan
7. Minyak sawit boleh menghasilkan lilin
 Betul Salah
8. Permohonan lesen pekebun kecil baru boleh dibuat secara online menerusi
 e-peniaga e-pelesenan e-registration
9. Tanaman ini sesuai ditanam di ladang sawit bagi mendapat hasil yang lumayan
 Bayam Kacang botol Pisang
10. Buah sawit boleh dituai menggunakan Pemotong Sawit Bermotor yang dikenali sebagai ...
 CANTAC CANTAS Sawit Bermotor

Borang Penyertaan Siri 45

Nama : _____
Tahap : _____
Alamat Sekolah : _____

Alamat Rumah : _____

Poskod : _____
No. Tel : _____

Nama pemenang Siri 44

1. Ainnur Shamimi Mohd Nor
Sek. Keb. Kg. Kuantan, Batang Kali, Selangor
2. Muhammad Muaz Muhd Yusri
Sek. Keb. Paroi, Seremban, Negeri Sembilan
3. Syahadatul Basyerah Ahmad
Sek. Keb. Jalan Enam, Bandar Baru Bangi, Selangor
4. Nik Adreana Nik Shukri
Sek. Ren. Agama Sg. Kantan, Kajang, Selangor
5. Mohamad Azizi Hafifi Mohd Noor
Sek. Keb. Kg. Kuantan, Batang Kali, Selangor
6. Muhammad Sufi Iman Samsuhaimi
Sek. Keb. Kedai Buloh 1, Kota Bharu, Kelantan
7. Syakir Nufail Shahruil Izwani
Sek. Keb. Gangsa, Hang Tuah Jaya, Durian Tunggal, Melaka



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersama Timbalannya, Dato' Noriah Kasnon dan Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh **bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang sempena majlis Sambutan Merdeka MPIC.** Turut kelihatan Ketua Pengarah agensi dan wakil di belakang.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyampaikan sijil penghargaan kepada pekebun kecil sawit yang memenangi **Anugerah Pekebun Kecil Terbaik negeri Sarawak 2013** selepas perasmian Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014 di Sibu, Sarawak. Turut kelihatan Dato' Noriah Kasnon (dua dari kiri), Datuk Himmat Singh (kiri), Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (tiga dari kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May (kanan).



Datuk Amar Douglas Uggah Embas **menyampaikan album gambar kenangan** kepada bekas Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Seri Nurmalina Abdul Rahim sempena persaraan wajib beliau. Turut kelihatan penggantinya, Datuk Himmat Singh (kiri).



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon diiringi oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua Pengarah MTIB, Dr Jalaluddin Harun selaku tuan rumah **Sukan MPIC 2014** mengunjungi kontinjen MPOB pada perasmian sukan berkenaan.



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar (tiga dari kiri) semasa **melawat pameran MPOB** yang diadakan di Kuala Kangsar, Perak baru-baru ini.



Datuk Dr Choo Yuen May ketika menyertai **perarakan Hari Kemerdekaan Ke-57 di bawah Sektor Perkhidmatan Awam Malaysia** pada 31 Ogos 2014 di Dataran Merdeka, baru-baru ini.